

Ucapan Dikasteri Dialog Antara Agama sempena sambutan Deepavali 2025

Kristian-Hindu, membina dunia aman melalui dialog dan *Nostra Aetate*

VATIKAN: Sempena sambutan Deepavali pada Oktober 20, 2025 Dikasteri Dialog Antara Agama Vatikan dengan sukacitanya mengucapkan, "Semoga perayaan cahaya ini mencerahkan kehidupan anda dan membawa kebahagiaan, perpaduan dan keamanan kepada keluarga dan komuniti anda". Kenyataan itu ditandatangani oleh prefek Dikasteri Dialog Antara Agama, Kardinal George Jacob Koovakad.

Dengan tema, "Membina keamanan dunia melalui dialog dan kerjasama dalam semangat *Nostra Aetate* (Pernyataan tentang Hubungan Gereja dengan Agama-agama Bukan Kristian), dikasteri Vatikan itu menyatakan bahawa, "hari kelapan selepas Deepavali tahun ini ialah ulang tahun ke-60 *Nostra Aetate* (Oktober 28, 1965), dokumen penting Gereja Katolik yang menggalakkan umat Katolik di seluruh dunia untuk terlibat dalam dialog dan kerjasama dengan orang dari tradisi agama lain.

Nostra Aetate menggesa semua untuk

"mengiktiraf, memelihara dan mempromosikan perkara-perkara yang baik, rohani dan moral, serta nilai-nilai sosio-budaya" yang terdapat di kalangan mereka (NA 2) dalam perkhidmatan mempromosikan keamanan.

Pada ulang tahun berlian ini, *Nostra Aetate* menyeru penganut Kristian dan Hindu untuk memperbaharui komitmen mempromosikan dialog antara agama sebagai jalan menuju keamanan.

"Semasa musim perayaan ini, kami menjemput anda untuk menyertai kami dalam merenungkan bagaimana orang Kristian dan Hindu, bersama-sama dengan orang dari semua agama dan niat baik, dapat mengukuhkan usaha bersama kita untuk keamanan melalui dialog dan kerjasama dalam semangat *Nostra Aetate*," ujar pesan tersebut.

Walaupun banyak kemajuan telah dicapai sejak *Nostra Aetate*, lebih banyak lagi yang perlu dilakukan akibat meningkatnya ketidakpercayaan, polarisasi, ketegangan

dan perpecahan.

Oleh sebab itu, dialog antara agama sangat mendesak dan harus mendapat tempat dalam kehidupan seharian kita dan menjadi cara hidup bersama yang semula jadi.

Sri Paus Leo XIV telah menyeru semua orang untuk "membina jambatan melalui dialog dan pertemuan, bersatu sebagai satu bangsa" (*Urbi et Orbi*, Mei 8, 2025).

Beliau mengingatkan kita bahawa memupuk budaya dialog dan kerjasama untuk keamanan adalah "tugas yang diamanahkan kepada semua, baik yang beriman mahupun yang tidak beriman, yang mesti memajukannya melalui refleksi dan amalan yang diilhamkan oleh maruah peribadi dan kebaikan bersama" (*Ucapan kepada Pergerakan dan Persatuan "Arena Keamanan"* di Verona, Mei 30, 2025).

Keluarga, sebagai tempat utama pendidikan dalam kehidupan dan iman, memainkan peranan yang terulung dalam memupuk nilai-nilai ini.

Tradisi keagamaan juga mempunyai tanggungjawab penting dalam memupuk keamanan, dengan *pemimpin agama* memikul kewajiban moral untuk umat menghormati kepelbagaian, membina jambatan persahabatan dan persaudaraan.

Institusi pendidikan dan media berperanan penting dalam membentuk hati dan minda ke arah kewujudan bersama yang aman.

Semoga kita – penganut Kristian dan Hindu, bersama dengan penganut agama lain serta semua orang yang berkehendak baik – berganding bahu dalam cara kecil dan besar untuk memupuk keamanan di rumah, komuniti dan masyarakat.

Semoga kita berusaha membina keamanan dunia dengan memupuk "budaya dialog sebagai jalan; kerjasama bersama sebagai kod tingkah laku; pemahaman bersama sebagai kaedah dan piawaian" (*Dokumen Persaudaraan Manusia untuk Keamanan Dunia dan Hidup Bersama*, Februari 4, 2019). **Media Vatikan**

Dialog instrumen penting untuk keamanan

BANGKOK: Semangat Sto Fransiskus dari Assisi sebagai penanda universal bagi keamanan dan dialog antara agama—digemakan di seluruh Asia apabila pemimpin agama di Mumbai dan Bangkok menganjurkan acara antara agama demi memupuk rasa hormat dan persefahaman bersama.

Perhimpunan serentak itu menekankan kesatuan dalam kalangan komuniti agama yang komited kepada kewujudan bersama secara aman dalam masyarakat berbilang budaya.

Kardinal George Jacob Koovakad, prefek Dikasteri Vatikan untuk Dialog Antara Agama, berucap di Mumbai pada Oktober 3, mengatakan Sto Fransiskus dari Assisi sebagai "perintis dialog antara agama yang menabur benih kedamaian."

Kardinal itu menggambarkan dialog antara agama sebagai "alat yang perlu dan unik untuk keamanan."

Pesan beliau juga bergema di Thailand, apabila pemimpin agama dan sivik di Bangkok berkumpul pada Oktober 4, untuk seminar yang meneroka bagaimana pelbagai kepercayaan dapat mengukuhkan struktur berbilang budaya negara.

Seminar yang dianjurkan oleh ulama Islam di bawah naungan Program Pembangunan Kepimpinan Agama Moden dan Muslim Moden ini mengumpulkan wakil daripada



lima agama utama Thailand—Buddha, Islam, Kristian, Hindu, dan Sikh—bersama pemimpin akademik dan sivik.

Antara ahli panel ialah Sr Kannikar Lamtaisong, SHC, yang mewakili Pejabat Dialog Antara Agama Konferensi para Uskup Katolik Thailand.

Biarawati itu menyertai sekumpulan pemimpin agama dan masyarakat yang pelbagai untuk membincangkan bagaimana ajaran agama boleh membimbing kewujudan bersama dalam masyarakat yang mempunyai

pelbagai kepercayaan dan adat resam.

"Kepelbagaian agama boleh mengukuhkan ikatan sosial dan rasa kekitaan apabila orang ramai belajar untuk hidup bersama dan menghargai sistem kepercayaan yang berbeza," kata Sr Kannikar kepada *LiCAS News*.

Beliau menekankan bahawa sambil merayakan perbezaan, masyarakat berbilang budaya juga mesti "mencari titik persamaan dan nilai bersama untuk memastikan masa depan yang aman dan bersatu."

Beliau menekankan bahawa setiap agama

utama berkongsi prinsip teras cinta, belas kasihan dan tanpa keganasan—nilai-nilai yang mewajibkan rasa hormat dan maruah bersama untuk semua orang.

Pemimpin antara agama di Bangkok ber-setuju bahawa mencapai kewujudan bersama yang aman memerlukan lebih daripada sekadar perbualan; ia menuntut pendidikan dan kerjasama yang aktif.

Mereka juga mencadangkan pembentukan rangkaian yang menghubungkan rumah, kuil, dan sekolah, menggunakan ajaran agama untuk membimbing kehidupan seharian dan memupuk pemimpin masa depan yang mampu merapatkan perpecahan dalam masyarakat.

Untuk membimbing penglibatan ini, perhimpunan menggariskan tiga prinsip teras untuk dialog yang tulen:

○Kesedaran diri: Untuk memahami kepercayaan sendiri dan menjadi contoh yang ikhlas kepada orang lain.

○Ketenangan dalaman: Untuk memupuk kestabilan mental dan kesedaran, membolehkan komuniti menangani konflik dengan belas kasihan dan kebijaksanaan.

○Kerendahan hati: Untuk kekal terbuka kepada pembelajaran daripada semua agama dan budaya, mengelakkan prasangka, dan menerima pertumbuhan melalui pengalaman bersama.

Sr Kannikar menyimpulkan bahawa kesedaran sejati bermula dengan kesediaan untuk belajar daripada masa lalu dan masa kini. **LiCAS News**

Khazanah keindahan Tuhan akan menyelamatkan dunia



Ada babak yang sangat menyentuh hati dalam filem *The English Patient*.

Sejumlah orang dari pelbagai negara bersatu dalam sebuah vila terbiar di Itali selepas perang. Antaranya ialah seorang jururawat muda, yang menjaga seorang juruterbang Inggeris yang melecur teruk dalam kemalangan udara, dan seorang lelaki muda Asia yang tugasnya adalah untuk mencari dan melupuskan periuk api. Lelaki muda itu dan jururawat itu menjadi kawan dan, suatu hari, dia mengumumkan bahawa dia mempunyai kejutan istimewa untuknya.

Lelaki itu membawa jururawat tersebut ke sebuah Gereja terbiar. Lelaki itu telah memasang tali dan takal yang mengangkat wanita itu ke siling.

Dari atas, kelihatan lantai mosaik yang indah dan karya seni menakjubkan yang tidak dapat dilihat ketika memijak lantai.

Lelaki itu memberikan wanita itu obor sebagai cahaya dan melalui satu siri tali, wanita itu berayun seperti malaikat bersayap, melalui tempatnya berayun dan dengan bantuan obor, dia dapat melihat karya agung yang indah, tersembunyi dalam kegelapan.

Bagi dirinya, pengalaman itu adalah satu keseronokan; dia merasai sensasi terbang dan pada masa yang sama, melihat keindahan yang menakjubkan.

Setelah turun semula ke lantai, wajahnya kemerahan, teruja dan bersyukur dan mencium wajah pemuda itu, berulang kali mengatakan: "Terima kasih, terima kasih, terima kasih kerana menunjukkan ini kepada saya!"

Dan daripada ekspresinya, anda juga dapat melihat bahawa dia sedang menyatakan terima kasih dua kali: "Terima kasih kerana

menunjukkan sesuatu yang saya tidak akan pernah dapat capai sendiri dan terima kasih kerana mempercayai saya untuk berfikir bahawa saya akan memahami ini, dan percaya bahawa saya akan faham!"

Apakah yang dapat kita pelajari daripada babak ini? Gereja perlu melakukan untuk dunia seperti yang dilakukan oleh pemuda ini untuk rakan jururawatnya; ia perlu menunjukkan kepada dunia untuk mencari keindahan yang tidak akan ditemuinya sendiri, keindahan yang tersembunyi dalam kegelapan. Dan ia perlu mempercayai bahawa orang ramai akan "memahaminya," akan menghargai kekayaan apa yang ditunjukkan kepada mereka.

Di manakah Gereja boleh menemui keindahan tersembunyi sedemikian? Dalam sejarahnya sendiri yang kaya dan mendalam, dan dalam alam, dalam seni, dalam sains, dalam kanak-kanak, dalam tenaga orang muda, dan dalam kebijaksanaan orang tua. Terdapat khazanah kecantikan yang tersembunyi di mana-mana. Tugas Gereja adalah untuk menunjukkan perkara ini kepada dunia. Mengapa?

Kerana kecantikan mempunyai kuasa untuk menyentuh dan mengubah jiwa, untuk menanamkan rasa kagum dan kesyukuran dengan cara yang sedikit sahaja perkara mampu lakukan.

Konfusius memahami ini. Itulah sebabnya dia menyatakan bahawa keindahan adalah guru yang terhebat dan mengapa dasar pendidikannya tertumpu kepada keindahan. Orang boleh meragui hampir apa sahaja, kecuali kecantikan.

Mengapa kecantikan tidak boleh diragui? Kerana kecantikan adalah sifat Tuhan. Falsa-

fah dan teologi Kristian klasik memberitahu kita bahawa Tuhan mempunyai empat sifat transendental, iaitu, *Tuhan adalah "Esa, Benar, Baik, dan Indah."*

Sesungguhnya, disentuh oleh keindahan adalah disentuh oleh Tuhan; mengagumi keindahan adalah mengagumi Tuhan; melihat keindahan di tempat tersembunyi adalah melihat Tuhan di tempat tersembunyi; kagum dengan keindahan adalah kagum dengan Tuhan; dan merasakan kekaguman itu adalah merasakan kerinduan terhadap syurga.

Ahli teologi terkenal Hans Urs Von Baltasar menekankan keindahan adalah komponen utama dalam cara Tuhan bercakap dengan kita dan bagaimana ia seharusnya mewarnai cara kita bercakap tentang Tuhan kepada dunia.

Namun, kita tidak seharusnya naif dalam pemahaman kita tentang perkara ini. Kecantikan tidak selalu indah mengikut cara budaya popular melihatnya.

Memang, keindahan boleh dilihat dalam warna matahari terbenam yang menakjubkan, atau dalam senyuman dan kepolosan seorang kanak-kanak, atau dalam kesempurnaan ukiran Michelangelo, tetapi ia juga boleh dilihat dalam kedutan seorang wanita tua dan dalam senyuman tanpa gigi seorang lelaki tua.

Tuhan berbicara melalui keindahan dan begitu juga kita. Selain itu, kita mesti percaya pada kepekaan dan kecerdasan orang ramai untuk mempercayai bahawa mereka, seperti jururawat dalam *The English Patient*, akan menghargai apa yang ditunjukkan kepada mereka.

Dalam kata-kata yang terkenal (yang sering dipetik oleh Dorothy Day), novelis Rusia Fyodor Dostoevsky menulis: Dunia akan diselamatkan oleh keindahan. Apakah logiknya di sini?

Bagaimanakah kecantikan boleh menyembuhkan pelbagai penyakit yang menimpa kita?

Berikut merupakan penjelasan Dostoevsky: Kita memerlukan kelembutan dalam menghadapi kekejaman; memerlukan kebenaran dalam menghadapi gembargembur dan ideologi; memerlukan keanggunan dalam menghadapi kepahitan dan kutukan; menghadapi kebencian dan pembunuhan, yang diperlukan adalah kasih sayang dan pengampunan; menghadapi kebiasaan yang mencetuskan penghinaan, yang diperlukan adalah rasa kagum dan keajaiban; dan menghadapi kekejian dan kekasaran yang meresap ke dalam dunia kita dan membawa berita buruk, yang diperlukan adalah keindahan. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

HARI MINGGU BIASA KE 29 (C)

KELUARAN 17:8-13
2 TIMOTIUS 3:14-4:2
INJIL LUKAS 18:1-8

Dalam Perjanjian Lama diceritakan, bahawa kemenangan perjuangan bangsa Israel melawan bangsa Amalek dapat diperolehnya berkat doa Musa.

Dalam Injil hari ini, Yesus sangat tegas menerangkan perlunya doa dengan memberi perumpamaan seorang janda, yang diperlakukan tidak adil, tetapi tekun memperjuangkan haknya untuk mendapatkan keadilan.

Yesus menggambarkan seorang hakim, yang memenuhi permintaan si janda itu bukan kerana hakim mencintai kebenaran dan keadilan, tetapi kerana dia tidak mahu berterusan diganggu.

Hakim bukan contoh kelakuan yang baik, tetapi Yesus ingin menyampaikan kepada kita, bahawa di balik tabir kesukaran apa pun yang kita alami dalam hidup, kita masih selalu dapat menemukan hikmat untuk menghadapinya.

Bagi kebanyakan umat, berdoa itu sukar apatah lagi bersabar dan terus berdoa. Lebih-lebih lagi sekarang ini kita hidup dalam masyarakat "zaman *instant*"!

Semua harus cepat, mudah diperoleh dan dikerjakan dan segera mahu menda-

Doa, kekuatan hidup orang yang percaya

pat hasilnya. Alat-alat bantu untuk memenuhi keperluan sehari-hari makin lengkap malah semakin mampu milik.

Walau bagaimanapun juga, kebiasaan kita dibantu oleh keperluan zaman "*instant*" tidak dapat digunakan untuk memaksa mahupun memerintah Tuhan!

Lihatlah, Kristus, Putera Tuhan, yang menyelamatkan manusia dan yang dikasihi Tuhan, juga menghadapi deretan kesukaran hidup: ditolak, dihina, diadili, menderita bahkan mati disalib.

Dan pada saat-saat terakhir sebelum memasuki masa penderitaan-Nya di taman Getsemani, Yesus juga berdoa, mohon dibebaskan daripada piala penderitaan-Nya.

Tuhan tampaknya menolak permohonan Yesus di Getsemani itu. Tetapi ternyata Bapa mengabulkan permohonannya dengan membangkitkan-Nya kembali dari makam-Nya di Yerusalem! Ternyata doa Yesus dikabulkan Tuhan secara ajaib dan agung!

Dalam perumpamaan yang kita dengar hari ini, kita diajak untuk makin memahami erti atau makna doa yang sebenarnya.

Fikiran kita tentang Tuhan masih terlalu manusiawi.

T u h a n m e m a n g m a h a k u a s a , j a d i D i a b e r k u a s a m e n o l o n g k i t a m e n g a t a s i k e s u k a r a n h i d u p y a n g k i t a a l a m i .

Tetapi kita selalu ragu-ragu akan kebaikan dan kemahakuasaan-Nya.

Fikiran dan khayalan kita seolah-olah lebih tahu dan lebih benar.

Apabila Tuhan mengutus Yesus Kristus Putera-Nya sendiri, yang harus menempuh perjalanan hidup dan karya-Nya penuh kesukaran, patutkah kita menuntut Tuhan supaya menyediakan jalan hidup kita yang lebih baik berbanding jalan hidup Putera-Nya itu?

Yesus sebagai manusia seringkali tidak memahami kesukaran yang dihadapi

dalam hidup-Nya, namun Dia tetap yakin dan taat akan kehendak Bapa-Nya.

Pada akhir bacaan Injil tadi Yesus berkata: "Jika Anak Manusia datang, adakah Dia menemukan iman di bumi?" Pertanyaan Yesus itu juga ditujukan kepada kita!

Kita masih memerlukan pengertian dan penghayatan iman yang sejati. Kita cenderung percaya apabila apa yang kita inginkan dapat segera dan mudah tercapai misalnya bila permohonan kita kebetulan cepat dikabulkan Tuhan.

Tetapi apabila usaha doa kita tidak segera berhasil, mudah bagi kita kecewa atau putus asa.

Kita memerlukan ketekunan dalam berdoa. Ketekunan itu hanya mungkin apabila kita memiliki iman yang kuat.

Iman yang selalu taat akan kehendak Tuhan, yang selalu menghendaki apa yang terbaik bagi kita, meskipun kita sebagai manusia tidak selalu mampu memahaminya!

Bukankah ini ketekunan yang dimiliki si janda yang tidak mengenal lelah memperjuangkan keadilan untuk perbaikan nasibnya?

Bukankah itu yang harus dialami Yesus yang percaya dan taat sepenuhnya kepada kehendak Bapa-Nya? Iman teguh inilah yang harus merupakan sumber ketekunan kita dalam berdoa. Amin. **Msgr F.X Hadisumarta O.Carm**



Pendakian ekologi-kerohanian, hubungkan hati dengan ciptaan

PAPAR: "Kami menyertai Hiking *Eco-Spiritual* ini semata-mata untuk riadah. Tetapi kami tidak sangka, selepas menyertainya, kami mendapat kesedaran tentang alam sekitar kita. Sepanjang hiking, kami diingatkan untuk bersyukur kepada ibu pertiwi, peduli terhadap makhluk ciptaan Tuhan dan bertanggung jawab secara moral untuk merawat alam," kata Beatrice George dan rakan-rakannya dari Likas semasa menyertai aktiviti mendaki *Eco-Spiritual Hiking* di Hutan *Laudato Si* yang terletak di St Anthony Kampung Bolotikon pada Oktober 4, 2025.

Eco-Spiritual Hiking ini turut disertai Uskup Agung John Wong, Msgr Nicholas Stephen, Fr Joshua

Liew, Fr Lasius Gantis dan Fr Peter Chung, selaku Direktor Komisi Keadilan Ciptaan Tuhan Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Lebih dua ribu peserta yang datang berjalan dan mendaki bukit sambil merenung keindahan alam semula jadi, pokok, rumput, angin, dan cahaya matahari, serta memupuk semangat kesyukuran atas segala kurniaan Tuhan yang mengelilingi mereka

Pendakian sejauh 1.5 km ke *Hutan Laudato Si* diisi dengan doa di sepuluh stesen, yang diilhamkan oleh *Canticle of the Creatures* serta ditulis oleh Sto Fransiskus dari Assisi lebih 800 tahun lalu.

Walaupun pendakiannya curam dan mencabar fizikal, semua pendaki sampai ke hutan



pada pukul 9.30 pagi. Amat mengagumkan melihat ibu bapa yang menggondong anak kecil mereka dan orang muda memapah warga emas untuk tiba di Hutan *Laudato Si*.

Semasa menyampaikan homili dalam Misa Kudus, Uskup Agung John Wong menekankan bahawa pada hari tersebut merupakan Pesta Sto Fransiskus dari Assisi, pelindung alam ciptaan Tuhan.

Uskup Agung John menekankan tiga sifat Sto Fransiskus mulia iaitu salib, kemiskinan dan pewartaan Injil.

Melalui salib, Sto Fransiskus bermohon kekuatan iman untuk mengatasi kegelapan hati; melalui

kemiskinan, Sto Fransiskus menegaskan bahawa kebahagiaan sejati bukan terletak pada kekayaan sebaliknya hubungan sejati dengan Tuhan; dan melalui pewartaan Injil yang ditandai dengan kata-kata serta tindakan konkrit.

Uskup Agung John Wong juga mengatakan bahawa pada tahun ini merupakan ulang tahun ke-10 ensiklik *Laudato Si* karangan mendiang Sri Paus Fransiskus.

"Hutan *Laudato Si*" ini merupakan penghormatan terhadap ensiklik *Laudato Si* yang menyeru kita menyedari peranan kita sebagai penjaga bumi."

"Bagi menjaga bumi, peraturan

atau akta sahaja tidak dapat menyelamatkan bumi. Ia menuntut pengorbanan dan revolusi perubahan gaya hidup seluruh umat manusia demi menyelamatkan rumah kita bersama," kata Uskup Agung John.

Selepas Misa, Uskup Agung John merasmikan dua upacara penting iaitu pemberkatan patung Sto Fransiskus dari Assisi dan pelancaran PROTEC 2.0: Menjana Semula (*Regenerate*).

Para perwakilan dari 23 paroki di bawah jagaan Keuskupan Kota Kinabalu diberikan banting Kempen PROTEC 2.0 untuk aktiviti seterusnya di paroki masing-masing. **Raymond Elong**



Perlu revolusi pola hidup demi perlindungan rumah kita bersama

MIRI: 60 peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah dan guru dari SMK Long Lama telah menyertai Bengkel *Laudato Si* baru-baru ini, di Gereja Blessed Sacrament, Long Lama.

Rektor Paroki, Fr Sylvester Ngau dan empat orang ahli Komisi Keadilan Penciptaan Keuskupan Miri membuat perjalanan darat lebih dua jam, dari Miri ke Long Lama untuk bengkel tersebut.

Tujuan bengkel ini adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang krisis iklim seperti yang disebut dalam ensiklik Sri Paus Fransiskus, *Laudato Si*.

Bengkel *Laudato Si* menampilkan beberapa siri ceramah dan aktiviti kumpulan untuk memupuk pemahaman bahaya krisis alam dan bagaimana mengatasinya.

Para peserta juga didedahkan dengan ringkasan ensiklik *Laudato Si*, apakah sahutan Gereja, isu-isu tentang akibat pencemaran plastik dan penyelesaian 7R ke arah penyahkarbon.

Peserta kemudian berpeluang membentangkan cadangan mereka dalam bentuk pelan tindakan praktikal kepada Fr Sylvester Ngau dan berazam menjadikan paroki mereka sebagai paroki ekologi.

Pada sebelah petang, para pe-



serta memasuki sesi Doa Rekonsiliasi dengan Penciptaan, di mana ramai peserta berkongsi renungan peribadi mereka.

Sesetengah berkongsi bagaimana mereka menyedari bahawa mereka, dalam pelbagai cara, juga bertanggungjawab atas kemusnahan rumah kita bersama serta penderitaan makhluk Tuhan di bumi yang dieksploitasi.

Para peserta juga menyedari pentingnya untuk mengubah gaya hidup dan mengajak orang lain agar memilih kehidupan yang mesra alam serta prihatin kepada keperluan golongan miskin.

Mereka diingatkan bahawa jika

tidak ada 'pertaubatan ekologi', bencana kemiskinan, kebuluran dan alam pasti akan terjadi.

Selepas bengkel, salah seorang peserta berkongsi bahawa, antara semua bengkel kerohanian yang pernah dihidungnya, bengkel *Laudato Si* telah menyedarkannya tentang penderitaan ibu pertiwi disebabkan kegagalan manusia dalam melindungi bumi.

Bengkel itu berakhir dengan seruan melakukan aktiviti kompos di rumah sebagai salah satu cara melindungi alam, dengan menggunakan sisa dapur mereka menjadi baja organik yang selamat bagi bumi. **Today's Catholic**

Dua Gereja bergabung sambut Jubli Katekis

KUALA LUMPUR: Gereja St Joseph, Sentul dan Gereja Kristus yang Bangkit, Jalan Ipoh, bersama-sama meraikan Jubli Katekis pada September 27 dan 28, lalu.

Acara dua hari itu mengumpulkan lebih daripada 50 orang katekis, bersama dengan pelajar Inisiasi Kristian Dewasa serta *Bible Knowledge*.

Pada hari pertama, diadakan ziarah ke Gereja Jesus Caritas, Kepong, diikuti sesi pembentukan yang diketuai oleh paderi paroki, Fr Frederick Joseph dan Bro Jayson Wang, yang menyampaikan ceramah mengenai tema "Menjadi, Mengetahui, dan Melakukan."

Kemuncak hari itu ialah Perlantikan Katekis semasa Misa Senja, apabila para katekis memperbaharui komitmen mereka untuk

melayani Tuhan melalui pelayanan kateketikal.

Misa Kudus memulakan hari kedua di Gereja St Joseph.

Jubli Katekis diteruskan di dewan komuniti dengan program yang didedikasikan untuk menghormati katekis dan guru pembimbing.

Pelajar mempersembahkan lagu dan tarian, manakala yang lain menyampaikan ucapan terima kasih terhadap dedikasi para katekis.


Perayaan Jubli selama dua hari untuk katekis bukan sahaja berfungsi sebagai masa kesyukuran tetapi juga sebagai saat pembaharuan, mengingatkan katekis tentang peranan penting mereka dalam kehidupan Gereja dan panggilan mereka untuk meneruskan misi mereka dengan dedikasi dan sukacita.



Sahabat kecil Yesus

Isikan tempat kosong pada dialog di bawah untuk mengetahui kisah seorang janda dan hakim yang tidak adil.

Belalah
ku terhadap lawanku
(Lukas 18:3)



Walaupun aku tidak takut akan
dan tidak seorang
pun, namun kerana janda ini.....
aku, baiklah aku dia,
supaya jangan terus
dia dan aku.
(Lukas 18: 4)



Tuhan akan membela umat pilihan-Nya yang berseru kepada-Nya siang dan malam. Dia tidak bertanggung untuk melaksanakan keadilan bagi mereka (Lukas 18: 7)

Mari Mewarna



Las Meli





Tidakkah Tuhan akan membenarkan pilihan-Nya yang berseru kepada-Nya? Aku berkata kepadamu: Dia akan membenarkan mereka
(Lukas 8: 7-8)

Tuhan siang malam menghormati hak orang-orang menyusahkan membenarkan segera menyerang datang

Cari LAPAN perbezaan pada gambar di bawah:

Anak-anak yang dikasihi,

Alkitab mengajar kita bahawa sama seperti ibu bapa kita mahu yang terbaik untuk kita dan akan memberikan apa yang kita minta, Tuhan, Bapa syurgawi kita, juga mendengar dan menjawab permohonan kita. Kadang-kadang kita meminta sesuatu daripada Tuhan sekali sahaja dan tidak pernah menyebutnya lagi. Mungkin itu menunjukkan kesabaran kita yang kurang. Apabila kita meminta sesuatu, kita terus sahaja mahu Tuhan berkata "ya", dan akan marah jika permintaan itu lambat ditunaikan. Yesus memberitahu bahawa kita harus sentiasa berdoa dan tidak berputus asa. Dia bukan tidak mahu menunaikan permintaan doa kita tetapi kerana Dia tahu apa yang lebih baik untuk kita. Adik-adik, kita selalu salah faham tentang Tuhan. Jika kita berdoa, kita selalu mahu jawapan yang segera. Tuhan bukanlah Seseorang yang boleh kita arah. Meskipun ada doa kita yang mungkin seakan-akan tidak didengari-Nya, tidak bermakna Tuhan jauh daripada kita sebaliknya, Dia sentiasa hadir di tengah-tengah kita. Marilah kita berdoa kepada Yesus, untuk mengajar kita berdoa, mengajar kita bersabar dan terus bertekun dalam doa meskipun doa-doa kita belum tertunai. Jika kita menginginkan perkara-perkara yang baik, jangan malas untuk berdoa, terus berdoa dan berdoa lagi!



A

B

AsMelip

AsMelip



BELIA

VATIKAN: Dalam pesannya untuk Hari Belia Sedunia (WYD) ke-40, Sri Paus Leo XIV menggalakkan golongan muda untuk tidak “mengikuti mereka yang menggunakan agama untuk memecahbelahkan tetapi berusaha ke arah perdamaian, “menjadi agen aktif perdamaian.”

WYD, yang disambut oleh Gereja-gereja di peringkat keuskupan, akan diadakan pada November 23, sebagai persediaan untuk perhimpunan global di Seoul pada tahun 2027.

Mengulas tema perayaan ini, “Kamu juga adalah saksi-Ku, kerana kamu telah bersama-Ku”, Sri Paus berkata bahawa sebagai penziarah harapan dan dengan kuasa Roh Kudus, “Kita harus sentiasa bersedia untuk menjadi saksi Kristus yang berani.”

Bapa Suci menekankan dua aspek kesaksian: Pertama — persahabatan kita dengan Yesus, yang kita terima daripada Tuhan sebagai hadiah.

Kedua — komitmen kita untuk menjadi agen keamanan dalam masyarakat.

Kesaksian muncul dari persahabatan dengan Tuhan

Kesaksian Kristian lahir daripada persahabatan dengan Tuhan, yang disalibkan dan bangkit untuk keselamatan semua, “Kesaksian ini tidak boleh dikelirukan dengan propaganda ideologi, kerana ia adalah prinsip sebenar transformasi dalaman dan kesedaran sosial.”

Yesus tahu sepenuhnya siapa kita, hati



Kerendahan hati, inti kesaksian sejati untuk belia

kita dan kemarahan kita dalam menghadapi diskriminasi dan ketidakadilan.

Dia tidak mahu kita menjadi hamba, mahupun ‘aktivis’ parti politik; Dia memanggil kita untuk bersama-Nya sebagai sahabat, supaya hidup kita diperbaharui.

Saksi Tuhan yang sejati ialah mereka yang merendahkan hati dan tidak berpura-pura untuk mendapatkan perhatian. Saksi Tuhan ialah mereka yang bebas untuk mendengar, memahami, dan juga menyampaikan kebenaran kepada semua orang, walaupun di hadapan mereka yang berkuasa.

Oleh sebab itu, kesaksian Kristian yang

benar ialah dengan mengenali dan menunjukkan Yesus yang satu-satunya dapat menyelamatkan kita.

Bapa Suci kemudian mengingatkan golongan muda untuk tidak pernah lupa bahawa ramai rakan sebaya mereka “terdedah kepada keganasan, dipaksa menggunakan senjata, dipisahkan daripada orang tersayang, dan dipaksa berhijrah atau melarikan diri.”

“Anda boleh berdiri bersama mereka, berjalan bersama mereka dan menunjukkan bahawa Tuhan, sentiasa hadir dan sangat dekat dengan semua orang,” kata Sri Paus Leo.

Uskup Roma itu juga menjemput orang muda Kristian untuk terus menjalin persahabatan dan menjadi saksi Yesus yang menunjukkan kepada rakan-rakan muda, bagaimana dapat menemui makna sebenar kehidupan melalui hubungan hidup dengan Kristus.

“Sesungguhnya, soalan terdalam kita tidak dapat dijawab dengan menatap telefon bimbit tanpa henti. Gajet itu memang menarik perhatian kita tetapi menjadikan minda kita letih dan hati yang kosong. Carilah jawapan melalui pembacaan Kitab

Suci dan doa,” kata Bapa Suci.

Semangat persaudaraan mendorong keamanan

Sri Paus Leo menggesa golongan muda untuk mengubah sikap acuh tak acuh dan kemalasan rohani serta berusaha untuk memupuk ikatan persahabatan dan persaudaraan, bekerjasama untuk membina keadaan hidup baharu untuk semua.

“Jangan terpengaruh dengan mereka yang menggunakan agama untuk menindas; sebaliknya, buat rancangan untuk menghapuskan ketidaksetaraan dan mendamaikan komuniti yang berpecah dan tertindas,” katanya.

Sri Paus Leo menyeru, “Saudara-saudari kaum muda yang dikasihi, marilah kita mendengar suara Tuhan dalam diri kita dan mengatasi keegoan kita, menjadi agen damai yang aktif.”

“Kedamaian itu, yang merupakan kuria Tuhan yang bangkit akan menjadi nyata di dunia melalui kesaksian bersama mereka yang membawa Roh-Nya di dalam hati mereka,” kata Sri Paus Leo. **Media Vatikan**



Uskup Agung seru krismawan buka hati terima panggilan Tuhan

PAPAR: “Ramai yang datang kepada saya agar menambah paderi di paroki ini, tetapi saya menajwar mereka di mana lagi saya hendak mencari paderi? Keuskupan saya sendiri kekurangan paderi!” kata Uskup Agung John Wong kepada 149 krismawan yang menerima Sakramen Krisma di Gereja *Holy Rosary* Limbahau, Oktober 5.

Uskup Agung John Wong menyeru kepada 149 krismawan agar berani membukakan hati mereka untuk mendengar serta menjawab panggilan Tuhan bagi bekerja di ladang-Nya.

“Saya berharap di antara 149 krismawan ini akan menjadi paderi dan religius. Ramai yang tidak dapat menerima pelayanan sakramen dengan lancar kerana kekurangan paderi,” kata Uskup Agung John.

“Kepada para krismawan, anda baharu sahaja dikuatkan dengan Roh Kudus, oleh itu, saya menyeru kalian agar berani mempertimbangkan panggilan untuk menjadi

paderi dan religius,” kata Uskup Agung John dalam ucapannya.

Semasa menyampaikan homili, Uskup Agung John mengajukan soalan kepada krismawan dan hadirin, “Apakah engkau mempunyai iman? Iman yang macam manakah kamu miliki?”

Prelatus itu berpesan agar menyuburkan iman mereka dengan tekun membaca Kitab Suci, merayakan Ekaristi sekerap mungkin dan berdoa.

Beliau juga menyebut teladan iman yang mulia iaitu Sto Fransiskus dari Assisi yang selalu memuliakan salib Yesus sebagai simbol kekuatan mengalahkan kuasa jahat dan harapan serta kasih yang teguh.

Selepas Misa Kudus, Bapa Uskup Agung dan para paderi serta krismawan, beralih ke Dewan Paroki untuk majlis kesyukuran. Pada hari itu juga, berlangsung jualan bazar bagi mengisi tabung pembangunan paroki. **Adrian Matt**



Berita singkat antarabangsa

Kunjungan pertama Leo XIV ke Turki, Lubnan

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV akan melawat Turki dan Lubnan untuk perjalanan apostolik pertama kepausannya, pada November 27 hingga Disember 2.

Berita ini diumumkan oleh Vatikan pada Oktober 7.

Pengarah Pejabat Akhbar Takhta Suci, Matteo Bruni berkata bahawa Sri Paus menerima jemputan daripada "Ketua Negara dan Pihak Berkuasa Gereja".

Semasa lawatan itu, Bapa Suci akan melawat bandar Iznik di Turki untuk memperingati ulang tahun ke-1,700 Majlis Nicaea, satu peristiwa penting ekumenikal dalam sejarah Gereja yang membawa kepada perumusan

Kredo Nicaea.

Kunjungan Sri Paus terakhir ke Lubnan dibuat oleh Sri Paus Benediktus XVI dari September 2012, lebih setahun selepas teretusnya perang saudara Syria.

Majlis para Patriark dan Uskup Katolik di Lubnan menyatakan kesyukuran mereka kepada Paus Leo atas "cinta sifat kebapaan dan perhatian istimewa" beliau terhadap rakyat Lubnan.

"Kami menerima peristiwa bersejarah ini dengan penuh kegembiraan dan harapan baharu, berdoa agar lawatan apostolik ini dapat membawa keamanan dan kestabilan ke Lubnan," kata mereka dalam satu kenyataan. Media Vatikan

Indonesia terbit buku kenangan kunjungan apostolik Sri Paus Fransiskus

JAKARTA: Pemimpin Gereja dan kerajaan pada Oktober 3 lalu telah menerbitkan buku kenangan kunjungan Sri Paus Fransiskus ke Indonesia yang bertajuk "Iman, Persaudaraan, dan Belas Kasihan".

Diterbitkan oleh Kompas Books, buku itu menyoroti perpaduan, pemahaman antara agama, dan penjagaan terhadap alam, sebuah dokumentasi perjalanan mendiang Sri Paus Fransiskus pada September 2024 — lawatan pertamanya ke negara majoriti Muslim terbesar di dunia.

Kunjungan itu menarik perhatian seluruh negara sebagai detik

yang mengukuhkan perpaduan antara agama dan mencerminkan nilai-nilai Pancasila dan *Bhinneka Tunggal Ika* (Perpaduan dalam Kepelembagaan).

Menteri Agama Indonesia, yang berkhidmat sebagai Imam Besar Masjid Istiqlal semasa lawatan Sri Paus, berkata buku tersebut bukan sekadar catatan perjalanan, tetapi renungan moral dan sumber inspirasi.

"Semoga buku ini menjadi jambatan persaudaraan dan menyalakan obor cinta untuk seluruh umat manusia," kata Prof. Dr Nasaruddin Umar semasa pelancaran buku itu di Jakarta. LICAS News

Partriak Yerusalem tidak berhenti berharap untuk keamanan Gaza

YERUSALEM: Patriark Latin Yerusalem, Kardinal Pierbattista Pizzaballa menyeru belas kasihan, dan iman yang teguh terhadap laporan positif ke arah menamatkan perang di Gaza.

"Buat pertama kalinya, berita melaporkan perkembangan positif baharu: kemungkinan pembebasan tebusan Israel, beberapa tahanan Palestine dan penghentian pengeboman serta serangan ketenteraan," katanya dalam mesej pastoral bertarikh 5 Oktober.

Prelatus itu menggambarkaninya sebagai "langkah pertama yang penting dan dinanti-nanti-

kan meskipun hal ini masih belum pasti."

Patriark itu mengakui kesan buruk dua tahun peperangan, yang ditandai oleh "pembunuhan beramai-ramai orang awam, kebuluran, pemindahan berulang, akses terhad ke hospital dan penjagaan perubatan, kekurangan kebersihan, tidak lupa mereka yang ditahan di luar kehendak mereka."

Namun, beliau mengingatkan umat beriman bahawa "menghentikan permusuhan ialah langkah pertama yang perlu dan doa perdamaian tidak boleh berhenti." Media Vatikan

Berjalan bersama ialah ciri kehidupan Gereja

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV menyampaikan pesan kepada para penceramah dan peserta dalam perhimpunan teologi "Jenis uskup apakah dalam Gereja sinodal?" pada Oktober 6 hingga 9, lalu.

Perhimpunan yang berlangsung di Pertapaan Camaldoli, Itali tengah itu bertujuan meneroka ketokohan dan pelayanan uskup dalam Gereja sinodal, mencari cara Gereja boleh membangunkan gaya dan struktur sinodal dengan memikirkan semula pe-

layan episkopal daripada perspektif sinodal. Dalam pesannya, Sri Paus mengakui kepentingan perhimpunan itu menambah bahawa dia hadir "secara rohani".

Prelatus itu berharap agar perhimpunan itu dapat membangkitkan kesedaran baharu tentang "berjalan bersama," kerana "sinodaliti yang tulen secara semula jadinya memerlukan pendengaran dan penyertaan semua yang dibaptis, mengikut panggilan masing-masing." Media Vatikan

Karya mendiang Sri Paus Fransiskus diteruskan dalam "Dilexi te"

VATIKAN: Pada hari Sabtu, Oktober 4, Sri Paus Leo XIV menandatangani Seruan Apostolik *Dilexi te*, dokumen utama pertama dalam kepausannya.

Seruan Apostolik Sri Paus Leo berfokus pada kasih sayang terhadap orang miskin serta meneruskan kerja pendahulunya, Sri Paus Fransiskus yang mula menulis teks ini semasa bulan-bulan terakhir hayatnya.

Sebagai pengenalan Seruan Apostolik *Dilexi te*, *Aleteia* menawarkan petikan-petikan ringkas sebagai latar untuk membaca *Dilexi te*.

Petikan-petikan ini diambil daripada mesej yang ditulis oleh mendiang Sri Paus Fransiskus untuk Hari Orang Miskin Sedunia — yang ditubuhkannya pada tahun 2017.

Orang miskin bukan masalah (2017)

Dalam mesej pertamanya untuk Hari Orang Miskin Sedunia, Sri Paus Fransiskus memetik Sto Fransiskus sebagai contoh — yang "tidak berpuas hati dengan hanya memeluk pesakit kusta dan memberi mereka sedekah, tetapi memilih untuk [...] tinggal bersama mereka."

Ini mengajak kita untuk tidak menganggap orang miskin semata-mata sebagai penerima perbuatan baik yang akan melegakan hati nurani kita.

"Jika kita benar-benar ingin bertemu Kristus, kita perlu menyentuh tubuh-Nya dalam tubuh-tubuh yang menderita orang miskin, sebagai tindak balas kepada persekutuan sakramen yang dikurniakan dalam Ekaristi."

Orang miskin memerlukan komitmen peribadi kita (2018)

Berfokus pada Mazmur 34, Fransiskus menekankan bahawa, sebagai tindak balas kepada seruan orang miskin kepada Tuhan, Dia menjawab dengan menyembuhkan luka mereka dan menyelamatkan mereka.

Orang miskin tidak memerlukan orang tengah, tetapi penglibatan peribadi semua yang mendengar

rintihan mereka.

Yesus tidak takut untuk mengaitkan diri dengan orang miskin (2019)

Orang miskin menyelamatkan kita kerana mereka membolehkan kita bertemu wajah Yesus Kristus.

Pada kesempatan ini, Sri Paus Fransiskus mengutuk sekeras-kerasnya ketidakadilan dan kebuluhan yang membolehkan ketidakadilan dan ketidakadilan berterusan.

Beliau mengingatkan kita bahawa, sebagai orang Kristian, kita dipanggil untuk memilih orang miskin "supaya tidak menjejaskan kredibiliti Gereja tetapi untuk memberi harapan sebenar kepada ramai saudara dan saudari kita yang terdedah."

Doa dan solidariti dengan orang miskin tidak dapat dipisahkan (2020)

Doa mencapai matlamatnya apabila disertai dengan khidmat kepada orang miskin.

Mendiang Sri Paus Fransiskus menyatakan agar ibadah itu direndai Tuhan, kita perlu meninggalkan sikap acuh tak acuh dan menghulurkan tangan kepada kaum miskin sebagai tanda kedekatan dan kasih sayang.

Orang miskin adalah sakramen Kristus dan penginjil (2021)

Yesus mengajar bahawa kemiskinan bukanlah hasil takdir, tetapi tanda konkrit yang menunjukkan kehadiran-Nya di kalangan kita.

"Orang miskin adalah penginjil yang sebenar, kerana mereka adalah yang pertama diinjili dan dipanggil untuk berkongsi kegembiraan Tuhan dan kerajaan-Nya (cf. Mat 5:3)."

"Orang miskin, sentiasa dan di mana-mana, menginjili kita, kerana mereka membolehkan kita menemui wajah sebenar Bapa dalam cara baharu."

Kemiskinan Kristus membebaskan (2022)

"Ada kemiskinan yang menghina dan membunuh, dan ada lagi

kemiskinan, kemiskinan Kristus sendiri, yang membebaskan kita dan membawa kita kedamaian."

"Berjumpa dengan orang miskin membolehkan kita mengakhiri banyak kebimbangan dan ketakutan kosong kita, dan mencapai apa yang benar-benar penting dalam kehidupan ... Kerana Kristus menjadi miskin demi kita, kehidupan kita sendiri diterangi dan diubah, dan memperoleh nilai yang dunia tidak hargai dan tidak dapat berikan. Harta Yesus adalah kasih-Nya."

Setiap orang Kristian mesti terlibat (2023)

Pendek kata, setiap kali kita bertemu dengan orang miskin, kita tidak boleh berpaling muka, kerana itu akan menghalang kita daripada bertemu dengan wajah Tuhan Yesus.

Sri Paus Fransiskus memberi amaran tentang dua ciri budaya hari ini yang menjejaskan panggilan Kristian kita kepada amal: penolakan terhadap apa yang tidak selesai atau menyebabkan penderitaan, dan tergesa-gesa yang menghalang kita daripada berhenti untuk bertemu dengan mereka yang memerlukan dan berkongsi dengan mereka.

Mudah untuk mendelegasikan amal kepada orang lain, namun panggilan setiap orang Kristian adalah untuk melibatkan diri secara peribadi.

Di hadapan Tuhan, kita semua miskin dan memerlukan (2024)

Kita ialah pengemis kerana, tanpa Tuhan, kita tidak akan menjadi apa-apa. Kita tidak akan mempunyai kehidupan jika Tuhan tidak memberikannya kepada kita. Namun betapa kerapnya kita hidup seolah-olah kita adalah tuan kehidupan atau seolah-olah kita perlu menaklukkannya!"

Dalam mesej terakhirnya ini, Sri Paus Fransiskus mengajak kita untuk mengakui bahawa kita semua miskin dan memerlukan Tuhan. Oleh itu, dia meminta kita untuk "menjadikan doa orang miskin sebagai doa kita sendiri dan berdoa bersama mereka." *Aleteia*



Dalam Yesus, tiada luka yang tidak akan sembuh!

VATIKAN: Ketika Kristus bangkit dari kematian, Dia tidak kembali kepada murid-murid-Nya dengan dikelilingi oleh malaikat, melakukan perbuatan yang menakutkan atau memberikan ucapan yang hebat untuk mendedahkan rahsia alam semesta, kata Sri Paus Leo kepada umat beriman pada Audiens Umum hari Rabu, Oktober 8, 2025.

“Sebaliknya,” kata Sri Paus, “Kebangkitan-Nya ditandai dengan kerendahan hati, gerak isyarat yang mudah dan biasa, muncul sebagai tukang kebun, orang asing atau orang yang lalu lalang. Manakala kita dan para murid, mungkin mengharapkan “kesan khas, tanda-tanda yang berkuasa, atau bukti yang meyakinkan,” namun Yesus lebih suka bahasa “kedekatan, normal, atau meja yang dikongsi.”

“Aspek kejutan” kebangkitan ini, mengandungi pesanan yang berharga bagi kita: Kebangkitan bukanlah pusingan plot yang dramatik, tetapi transformasi senyap yang mengisi setiap tindakan manusia dengan makna, menunjukkan kepada kita bahawa dalam Misteri Paskah Kristus, segala sesuatu—bahkan melalui gerak isyarat manusia yang paling biasa—boleh menjadi rahmat.”

“Namun,” kata Sri Paus “ada halangan yang boleh menghalang kita daripada mengenali kehadiran Kristus dalam kehidupan seharian iaitu menyangka kegembiraan ialah sesuatu yang dilalui tanpa rasa luka atau bebas penderitaan.”

Ini dapat dilihat dalam peristiwa dua orang murid Yesus dalam perjalanan ke Emaus. Mereka sedih apabila harapan mereka terhadap Mesias tidak dipenuhi. Bagi kedua-dua murid ini, Yesus tidak seharusnya wafat di kayu salib yang me-



nyedihkan dan sengsara.

“Walau bagaimanapun Yesus, membantu dua orang murid itu memahami bahawa kesedihan dan kesakitan tidak membatalkan janji-janji Tuhan, sebaliknya penderitaan ialah ‘jalan di mana Tuhan mendedahkan kedalaman kasih-Nya.’”

“Kebangkitan Yesus,” kata Sri Paus Leo, “mengajar kita bahawa sesiapa sahaja, yang hidupnya ditandai oleh kekecewaan atau dosa, akan hilang harapan. Dalam Yesus, tiada kejatuhan yang muktamad, tiada malam yang kekal, tiada luka yang ditakdirkan untuk kekal berdarah selamanya.”

“Walau sejauh mana pun kita rasa, walau sesat atau tidak layak, tiada jarak yang dapat memadamkan kuasa kasih Tuhan yang tidak pernah gagal.”

Sri Paus Leo menekankan bahawa

pada “saat-saat tergelap kita, Yesus datang kepada kita, meminta kita untuk membenarkan Dia kekal bersama kita dan menghangatkan hati kita.”

“Marilah kita memohon rahmat untuk mengenali kehadiran-Nya yang rendah hati dan lembut,” kata Sri Paus, “bukan untuk menuntut kehidupan tanpa ujian, tetapi untuk menemui bahawa setiap kesedihan, jika didiami oleh cinta, boleh menjadi tempat persekutuan.”

“Dan oleh itu, semoga kita juga pulang ke rumah Bapa dengan hati yang membara dengan kegembiraan—kegembiraan yang tidak kalah dengan kegelapan tetapi meneranginya; kegembiraan yang lahir daripada kepastian bahawa Tuhan itu hidup, bahawa Dia berjalan bersama kita, dan bahawa setiap saat Dia menawarkan kita peluang untuk bermula semula.” **Media Vatikan**

Jus rohani untuk jiwa

Doakanlah kami...pada waktu kami mati

“Doakanlah kami orang berdosa ini, sekarang dan pada waktu kami mati...” demikian rangkap terakhir dalam doa rosari.

Kita sudah sangat biasa dengan rangkap doa itu. Selepas bertahun-tahun berdoa, suatu hari saya sedar bahawa terdapat permohonan tersembunyi dalam rangkap terakhir dalam doa rosari itu.

Selama ini, saya memikirkan doa itu ditujukan untuk persediaan kematian kita. Sebuah permohonan doa kepada Bonda Maria agar ketika roh meninggal-

kan jasad, kita dapat berdiri dengan sukacita di hadapan Tuhan.

Namun, suatu ketika, saya disedari bahawa ada dua jenis kematian! Bukan sahaja terdapat kematian jasmani, tetapi juga terdapat kematian terhadap diri sendiri, iaitu mematikan “manusia lama” yang disebut oleh Sto Paulus — bahagian diri saya yang berpaling daripada Tuhan dan terikat kepada diri sendiri dan dosa.

Dan kita memerlukan sokongan Bonda Maria pada saat “kematian” seperti itu? Kematian ini ialah umpama “kematian

kecil” harian saya, iaitu dipanggil untuk menguburkan “diri lama” saya agar saya mati terhadap dosa, saya dapat bangkit kepada kepenuhan hidup dalam Kristus.

“Buanglah sifat lama kamu yang menjadi milik cara hidup kamu dahulu...” kata Sto Paulus, menulis kepada jemaat di Efesus, “dan kenakanlah sifat baharu, yang diciptakan menurut rupa Tuhan.”

“Menanggalkan sifat lama kita” ini sejenis kematian. Kematian jenis ini, iaitu panggilan untuk “mati” terhadap dosa sangat tidak mudah kerana bukan mudah mengorbankan kehendak saya hari demi hari.

Di sinilah Perawan Maria masuk campur tangan. Saya boleh berlari kepadanya dengan ketakutan dan kelemahan saya.

Kini ketika mendoakan rangkap terakhir dalam doa rosari, dalam hati saya mohon agar Bonda Maria mendoakan saya sekarang — dalam semua masalah, ketakutan, dan perjuangan saya yang ada sekarang. Saya juga berdoa agar pada waktu kematian, Bonda Maria dapat membawa saya ke hadapan takhta penghakiman!

Pertempuran kita menentang keterikatan terhadap duniawi memang sengit. Kita tidak dapat menang sendirian.

Marilah kita berdoa dengan bersungguh-sungguh, dengan ikhlas dan dengan keyakinan kepada Bonda kita yang setia. **Elizabeth Zuranski, Aleteia**

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Dua tahun yang menyakitkan

“Tragedi di Gaza telah memasuki dua tahun yang sangat menyakitkan. Dua tahun lalu, 1,200 orang terbunuh dalam serangan penganas. Kita mesti memikirkan betapa banyak kebencian yang wujud di dunia dan mula bertanya kepada diri sendiri apa yang boleh kita lakukan. Dalam tempoh dua tahun, kira-kira 67,000 rakyat Palestine telah terbunuh. Kita mesti mengurangkan kebencian, kita mesti menemui semula keupayaan untuk berdialog, untuk mencari penyelesaian yang aman.”

Ini adalah kata-kata Sri Paus Leo XIV, yang diucapkan pada ulang tahun kedua serangan penganas Hamas ke atas Israel, permulaan konflik yang telah memusnahkan Gaza dan menyebabkan ribuan kematian orang awam Palestine.

Seperti pendahulunya iaitu mendiang Sri Paus Fransiskus, Bapa Suci Leo mengutuk keganasan dan episod antisemitisme yang sangat bertentangan dengan mesej Injil tentang keamanan.

“Sudah pasti, kita tidak boleh menerima kumpulan yang terlibat dalam keganasan; gaya hidup ganas dan kebencian di dunia ini mesti sentiasa ditolak.”

“Pada masa yang sama, kewujudan antisemitisme, sama ada ia meningkat atau hanya sejumlah kecil — ia sangat membimbangkan. Kita mesti sentiasa mewartakan keamanan, dan menghormati maruah setiap orang.”

Boleh dikatakan, setiap doa Sri Paus Leo bersama umat awam akan diakhiri dengan ajakan terus berdoa bagi penamatan konflik berdarah di Tanah Suci, dan mengesahkan semula komitmen Gereja untuk mempromosikan dialog dan perdamaian.

Prelatus itu menegaskan, “dalam zaman komunikasi, semangat perdamaian dan dialog harus dipromosi secara besar-besaran. Dalam dunia yang dipenuhi dengan maklumat, mempromosi kebaikan dan kesejahteraan mudah disampaikan dan seharusnya tidak ada lagi yang berkata, “saya tidak tahu”.

Vatikan turut mengumumkan bahawa Sri Paus Leo XIV akan melakukan perjalanan apostolik pertama ke Turki dan Lubnan, pada November 27 hingga Disember 2.

Mengapa beliau mengadakan perjalanan ke rantau yang sensitif dan tegang secara politik. Sudah pasti lawatan Bapa Suci akan membawa pesan keamanan untuk Timur Tengah dan negara-negara yang sedang dalam konflik.

Menurut Vatikan, perjalanan apostolik ke Turki ialah untuk meraikan ulang tahun ke-1,700 sejak Majlis Nicaea dan lawatannya ke Lubnan bertujuan membawa penghiburan kepada rakyat yang telah mengalami satu demi satu musibah sejak letupan pelabuhan Beirut pada Ogos 4, 2020.

Selain mempersembahkan doa rosari sepanjang bulan Oktober untuk keamanan Gaza dan negara-negara dalam konflik, Sri Paus Leo XIV juga menyeru pemimpin politik untuk “komited” terhadap rundingan damai Israel-Hamas yang sedang berjalan, yang menurutnya baru-baru ini menunjukkan “langkah-langkah penting ke hadapan”. **Media Vatikan**

MARI dan jadilah
komuniti pemberita HERALD.
Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my

atau

WhatsApp: 011-26391498



Seminari tertua Asia rai ulang tahun ke-360



PULAU PINANG: Seminari Katolik tertua di Asia, *College General (CG)*, meraikan 360 tahun pembentukan keimamatan dengan sambutan tiga hari bertema 'Menilai Kesyukuran, Kesetiaan dan Harapan'.

Perayaan bermula pada Hari Raya para Malaikat Agung, September 29 dan berakhir pada Hari Raya Sta Theresa dari Lisieux, Oktober 1.

Dalam homili semasa Misa Kudus pembukaan, Uskup Agung Julian Leow dari Kuala Lumpur mengimbas kembali sejarah 360 tahun institut itu sebagai kesaksian hidup kepada rahmat Ilahi.

Ditubuhkan pada tahun 1665 di Ayutthaya, Siam, oleh Uskup François Pallu dan Pierre Lambert de la Motte, seminari ini telah merentasi benua: dari Ayutthaya ia dipindahkan ke Chanthaburi, Thailand, kemudian ke Hon Dat di Vietnam dan seterusnya ke Pondicherry, bekas jajahan Perancis di selatan India, sebelum ditempatkan di Pulau Pinang pada tahun 1809.

Sejak awal penubuhannya, seminari ini telah melatih paderi dari seluruh Asia: Siam, Vietnam, China, India, dan seterusnya. Selama berabad-abad, alumninya telah membawa Injil ke paroki, misi, dan bahkan hingga martir.

"Para martir dan misionari adalah cahaya yang bersinar yang merentasi sejarah kita," kenang Uskup Agung Leow.

Prelatus itu juga memberikan penghormatan khas kepada para alumni yang berkumpul, yang terus membawa semangat CG dalam pelbagai cara.

Secara khusus, beliau menyebut bekas seminarian yang telah terus berkhidmat kepada Gereja melalui panggilan lain. "Lelaki-lelaki ini tidak membuang masa mereka di CG, kerana mereka tetap melayani dengan setia di paroki dan komuniti."

Hari kedua perayaan menumpukan tema "Kesetiaan" apabila Uskup Bernard Paul dari Melaka-Johor mengatakan, "ia kelihatan

mudah tetapi memerlukan komitmen harian. Menjadi orang yang setia, bermakna terus kembali kepada panggilan, meskipun dalam kekeringan dan keraguan. Kesetiaan bukanlah emosi sebaliknya hubungan yang dikekalkan oleh rahmat."

Semasa sesi pagi, Fr Vincent Sénéchal, Pemimpin Umum MEP, berkongsi visi misionari MEP. Katanya, "semasa uskup-uskup MEP pertama tiba di Asia, mereka tahu bahawa penginjil perlu berakar umbi di tanah tempatan. Itulah sebabnya mereka membina seminari untuk melatih paderi yang bercakap bahasa, menghayati budaya dan mencintai umat."

Semasa perayaan Ekaristi pada hari terakhir, Kardinal Sebastian Francis dari Pulau Pinang, yang juga presiden CG mengajak semua yang hadir untuk menjadi "perancang dan pemimpi bagi Gereja Malaysia."

"Harapan bukanlah angan-angan kosong. Inilah keberanian untuk

percaya bahawa rahmat Tuhan terus berfungsi melalui permulaan yang kecil dan kesetiaan yang tenang."

Kardinal Sebastian memberi penghormatan kepada bapa-bapa *Paris Foreign Missions*, yang mendirikan seminari pertama di Asia, para uskup, paderi dan dermawan tempatan yang menyokong CG semasa era peperangan, pergolakan politik dan masa perubahan mendadak.

"Walaupun bilangan seminarian semakin kurang, namun Tuhan sedang mempersiapkannya untuk berbuah di tempat lain, di Thailand, Singapura dan Kuching."

Uskup Emeritus John Ha dari Kuching, bekas pelajar dan mantan formator CG berkata, "Rahmat adalah teras CG, rahmat yang memanggil, rahmat yang menyokong dan rahmat yang memperbaharui." Beliau mengimbas kembali bagaimana sejarah seminari mencerminkan misteri Paskah: mati dan bangkit semula.

Apabila CG kelihatan semakin pudar, ia melahirkan realiti baharu: Seminari *Lux Mundi* di Thailand, Seminari St Francis Xavier di Singapura dan Kolej St Peter di Kuching. Ini adalah cara Tuhan bekerja: kematian membawa kepada kebangkitan.

Perayaan Ulang Tahun CG ke-360 turut diisi dengan doa, renungan, muzik dan perjumpaan semula bekas pelajar dari Malaysia, Singapura, Kemboja, Thailand dan negara-negara lain.

Fr Ryan Innas Muthu, rektor CG sekarang, menyatakan rasa terima kasih yang mendalam kepada semua yang terus menyokong misi seminari.

Pada akhir perayaan, para seminarian menyanyikan lagu pujian khas yang digubah untuk ulang tahun tersebut — sebuah lagu yang menyentuh hati yang merangkum semangat CG; "*Kami bangkit, kami bangkit untuk mengangkat Nama-Mu. Kami hidup, kami hidup untuk melaungkan pujian-Mu!*"

SHEP 2025 kagumi keharmonian dan iman umat Kristian Sabah

KOTA KINABALU: Rakan Kongsi Ekumenikal Sabah Heilbronn (SHEP) telah melawat Sabah baru-baru ini dengan tema "Harapan untuk Keamanan dalam Kasih Sayang."

SHEP ialah perkongsian atau kerjasama antara Gereja Katolik, Gereja Kristian Basel Malaysia (BCCM), Gereja Protestan Sabah (PCS) dan Gereja Katolik serta Protestan Heilbronn, Jerman. Ditubuhkan pada tahun 1982 dan dirasmikan pada tahun 1990, perkongsian ini telah memupuk persahabatan ekumenikal, misi bersama, dan pertukaran budaya selama lebih empat dekad. Kunjungan timbal balik ini dianjurkan secara berkala tetapi dihentikan selepas 2018, disambung semula apabila delegasi Sabah melawat Heilbronn pada tahun 2023.



Tahun ini, delegasi seramai 12 orang dari Jerman, diketuai oleh Dr Miriam Haar, telah mengembara melalui Kota Kinabalu, Penampang, Keningau, Tenom, Tambunan, Ranau, Sandakan, Tangkarason, Pitas, Kudat, Matunggong dan Tuaran. Mereka disambut dengan mesra oleh paroki dan keluarga angkat, menyertai persekutuan, doa, dan pertukaran budaya yang

mengeratkan hubungan merentas gereja dan komuniti. Perwakilan teruja bertemu komuniti-komuniti paroki yang bertenaga dan aktif serta tersentuh dengan kehadiran kanak-kanak, yang dilihat sebagai simbol harapan untuk masa depan.

Program malam PCS di Tangkarason — yang dimasukkan buat kali pertama dalam program — merupakan acara kemuncak

yang memberikan pengalaman hebat kepada para delegasi tentang semangat perpaduan di Sabah.

Pengerusi SHEP Sabah, Peter Lee dari BCCM menyatakan bahawa tema "Harapan untuk Keamanan dalam Cinta" dihayati sepanjang lawatan tersebut. "Ini mengingatkan kita bahawa keamanan bukan sahaja aspirasi global tetapi

sesuatu yang bermula di rumah — dalam keluarga, paroki dan komuniti tempatan kita," katanya.

Ketua delegasi Dr Haar mengucapkan terima kasih kepada tuan rumah Sabah dan menyatakan harapannya untuk masa depan: "Saya berharap SHEP akan terus diperkukuh. Kepercayaan, persahabatan, cinta dan iman kita sentiasa lebih kuat sehingga ia mengatasi perbezaan atau salah faham."

Lawatan SHEP 2025 berakhir dengan doa ekumenikal dan makan malam perpisahan di Tuaran.

Wakil dari Keukupan Agung Kota Kinabalu, Fr Thomas Yip, Leonard Ng dan Julian Rumangon mengiringi kumpulan sepanjang lawatan mereka di Sabah bersama dengan Dr Paul Porodong dan Pastor Mojilis Utud dari PCS.